

AKSESIBILITI TERHADAP PERUNTUKAN HAK SELEPAS BERCERAI DALAM KALANGAN WANITA DI KOTA BHARU

Mohd Khairul Anuar Ismail1,
Zanirah Mustafa@Busu2

anuar785@kelantan.uitm.edu.my1, Zanir126@kelantan.uitm.edu.my2.

ABSTRAK

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002 dan Negeri-negeri lain telah mengadakan peruntukan-peruntukan demi memastikan hak-hak wanita dijamin dan dilaksanakan seperti yang dituntut oleh Islam. Namun begitu, tidak dinafikan walaupun peruntukan disediakan, tetapi masih banyak berlaku di mana wanita diabaikan khususnya selepas bercerai. Aksesibiliti berhubung peruntukan hak-hak selepas bercerai merupakan satu keperluan bagi mempertingkatkan kesedaran dalam kalangan wanita seterusnya dapat mengelak daripada berlakunya pengabaian hak tersebut. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji aksesibiliti maklumat dalam kalangan wanita terhadap Undang-undang Keluarga Islam berkaitan hak-hak selepas bercerai. Maklumat kajian diperolehi melalui pengedaran 384 borang soal selidik kepada wanita sekitar Kota Bharu yang berumur 20 tahun ke atas. Pemilihan sampel adalah dilakukan secara rawak. Data dianalisis menggunakan pengisian Statistic Package For Sosial Science (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa aksesibiliti berhubung hak selepas bercerai menurut undang-undang keluarga Islam dalam kalangan wanita di Kota Bharu secara keseluruhannya adalah didapati kurang memuaskan sama ada dari sudut pembacaan, penyertaan seminar, ceramah atau kursus berkaitan. Namun, majoriti mereka bersetuju memerlukan penerangan lanjut berhubung hak-hak selepas bercerai.

Kata kunci: Aksesibiliti, Hak Wanita, Undang-Undang Keluarga Islam.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada zaman Jahiliah, wanita diletakkan pada taraf yang amat rendah dalam kalangan masyarakat. Kedudukan wanita tidak terbelah dan tidak diberi hak sewajarnya serta nilai dan maruah wanita dianggap rendah (Che Zarina, 2006: 36). Kedatangan Islam telah mengangkat martabat wanita, mengembalikan kedudukan serta memberikan hak sewajarnya.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002 telah mengadakan peruntukan-peruntukan demi untuk memastikan hak wanita sebagai anak, sebagai isteri, sebagai ibu dan sebagai janda dijamin dan dilaksanakan seperti yang dituntut oleh Islam. Abdul Hamid (1968: 4) dan Abdul Kadir (1993: 231) meyakini bahawa enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang digubal tersebut jelas amat berkesan dalam mengurangkan kadar perceraian yang berlaku di Kelantan. Manakala Norazlina (2002: 62) pula menyatakan faktor yang menyumbang kepada berlakunya perceraian di luar Mahkamah ialah kerana kejahilan berkaitan peruntukan undang-undang sama ada hukum Syarak ataupun enakmen negeri-negeri.

Menurut Nurhidayah (2010) walaupun peruntukan disediakan, tetapi masih banyak berlaku keadaan di mana wanita diabaikan khususnya selepas bercerai. Peruntukan sedia ada memang sudah baik dan

memberi jalan untuk kaum wanita mendapatkan hak mereka, tetapi ia hanya akan menjadi peruntukan undang-undang jika tidak digunakan. Menurut Hajah Masnon (2001) dan Wan Norazah (1995: 119) menjelaskan bahawa secara umumnya wanita kurang mengambil perhatian yang cukup terhadap hak dan kedudukan mereka sama ada berdasarkan hukum syarak apatah lagi di bawah peruntukan undang-undang. Menurut Datin Noor Aziah (2011) pula, secara amnya wanita hari ini masih kurang pengetahuan mengenai haknya di sisi undang-undang.

Sehubungan dengan itu, kaum wanita perlu melengkapkan diri dengan aksesibiliti pengetahuan yang secukupnya mengenai hak mereka dalam perkahwinan agar sesuatu yang buruk dapat dicegah berlaku dalam hidup mereka kelak. Aksesibiliti pengetahuan tersebut perlu merangkumi hak-hak mereka sebelum, semasa dan selepas berkahwin.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh manakah aksesibiliti wanita berhubung peruntukan hak mereka selepas bercerai menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan diklasifikasikan sebagai kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Proses pengumpulan data diperoleh melalui pengedaran set borang soal selidik terhadap 384 responden wanita secara rawak di Kota Bharu. Pemilihan sampel adalah berpandukan formula dan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970: 608) serta Sakaran (1992: 253), iaitu seramai 384 responden dipilih berdasarkan jumlah populasi kajian seramai 129,647 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Manakala proses penganalisisan data pula adalah menggunakan program pengisian SPSS (*Statistic Package For Sosial Science*). Secara umumnya, pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan item dalam soal selidik.

ULASAN LITERATURE

Berdasarkan pengkajian penulis terhadap kajian lepas, didapati bahawa perihal berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai telah banyak dibincangkan oleh para pengkaji terdahulu melalui hasil penulisan mereka. Antaranya kajian Mahmood Zuhdi *at.al* (1989), Raihanah (1993) dan Ahmad Ibrahim (1999) menghurai secara terperinci tentang hak-hak wanita daripada keperluan asas perkahwinan yang bermula dengan pertunangan, kesan dari hasil perkahwinan, pembubaran perkahwinan, perkara berbangkit daripada perceraian serta berkaitan pewarisan. Manakala Samihah (2000) dan Rus-Sanani (2005) pula membahaskan tentang hak-hak wanita menurut undang-undang eluarga Islam Kelantan 1983 dengan melihat dari sudut hukum syarak dan undang-undang di samping mengkaji kes-kes berkaitan tuntutan hak.

Manakala perihal berkaitan kesedaran berhubung peruntukan hak wanita pula dapat dilihat dalam kajian Sarikhani (2009) yang mengkaji tahap kesedaran 146 wanita terhadap hak-hak mereka dalam Islam dalam sektor pejabat kerajaan di Maysore, India. Keputusan menunjukkan bahawa tahap kesedaran wanita yang bekerja adalah tahap sederhana, tetapi mereka tidak boleh mengaplikasikannya dalam kehidupan sebenar mereka. Manakala Zainab (2012) pula mengkaji kesedaran 100 wanita bekerja di Neiriz, Iran terhadap hak perkahwinan mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran hak perkahwinan dan faktor umur dan pendapatan. Manakala tidak terdapat hubungan signifikan di antara kesedaran hak perkahwinan dengan umur perkahwinan.

Azlina (2007), Khairawati (2001), Noreliyusnita (1998) dan Norhayati (1994) melalui kajian kes yang dilaksanakan telah membincangkan tentang kepentingan wanita dalam memahami hak-hak mereka seperti yang termaktub dalam Undang-Undang Keluarga Islam bagi Wilayah Persekutuan, Terengganu, Selangor dan Sarawak. Azlina (2007) menyatakan bahawa wanita berhak mengetahui dengan terperinci tentang hak-hak mereka untuk memudahkan wanita menyelesaikan masalah yang timbul dalam

kehidupan. Norhayati (1994) juga menekankan bahawa hak-hak wanita yang terdapat dalam Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam di Sarawak perlu didedahkan kepada masyarakat di Bandar Kuching untuk memastikan peruntukan tersebut dapat diaplikasikan dengan jayanya.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, apa yang membezakan kajian pengkaji dengan kajian-kajian lepas adalah kajian ini tertumpu kepada aksesibiliti wanita di Kota Bharu berhubung kesedaran mengenai peruntukan hak mereka selepas bercerai di bawah enakmen Undang-undang Keluarga Islam No.6 Tahun 2002 Negeri Kelantan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 384 orang responden sebagai sampel yang terdiri daripada golongan wanita berumur 20 tahun ke atas di sekitar Kota Bharu seterusnya dianalisis melalui pengisian SPSS melalui kaedah statistik diskriptif.

Maklumat Demografi Responden

Jadual 4.1 menunjukkan majoriti responden terdiri daripada mereka yang berumur antara 41-50 tahun iaitu seramai 119 orang (31%). Manakala responden berumur 61 tahun ke atas paling sedikit iaitu hanya 15 orang (3.9%). Data juga menunjukkan majoriti responden berpendidikan SPM seramai 152 orang (39.6%). Responden berpendidikan Ijazah lanjutan adalah paling sedikit iaitu seramai 5 orang sahaja (1.3%) serta tahap pendidikan UPSR seramai 12 orang (3.1%). Ini menunjukkan secara umumnya responden mendapat pendidikan formal sewajarnya dan dapat membaca, menulis serta memahami sesuatu perkara dengan baik. Manakala dari sudut status perkahwinan, majoriti responden terdiri daripada mereka yang berkahwin iaitu seramai 241 orang (62.8%). Seterusnya golongan bujang seramai 92 orang (24.0%). Manakala hanya sebilangan kecil responden berstatus bercerai iaitu seramai 49 orang (12.8%).

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden

Taburan responden mengikut umur			
Bil.	Umur	F	%
1.	20-30 tahun	99	25.8
2.	31-40 tahun	80	20.8
3.	41-50 tahun	119	31.0
4.	51-60 tahun	70	18.2
5.	61 tahun ke atas	15	3.9
	Data lenyap	1	.3
Jumlah		384	100

Taraf pendidikan responden			
Bil.	Taraf Pendidikan	F	%
1.	UPSR	12	3.1
2.	SRP/PMR	55	14.3
3.	SPM	152	39.6
4.	STAM/STPM/Diploma	63	16.4
5.	Ijazah Sarjana Muda	93	24.2
6.	Ijazah lanjutan	5	1.3

Data lenyap	4	1.0	
Jumlah	384	100	
Status perkahwinan responden			
Bil.	Status Perkahwinan	F	%
1.	Bujang	92	24.0
2.	Berkahwin	241	62.8
3.	Bercerai	49	12.8
	Data lenyap	2	.5
	Jumlah	384	100

Aksesibiliti Responden Terhadap Peruntukan Hak Selepas Bercerai Menurut Undang-undang Keluarga Islam

Istilah aksesibiliti adalah merupakan kata pinjaman daripada perkataan Inggeris 'accessibility' yang membawa maksud maklumat yang boleh didapati (Kamus Inggeris-Melayu Dewan, 1992:1192). Dengan kata lain ianya bermaksud kebolehcapaian oleh seseorang terhadap sesuatu perkara atau lingkungan. Oleh itu, perkataan 'aksesibiliti' dalam kajian ini adalah menjuruskan kepada kebolehcapaian wanita untuk mendapatkan maklumat berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai dibawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No.6 Tahun 2002.

Jadual 2 menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pernah melihat akta atau enakmen undang-undang keluarga Islam Negeri Kelantan iaitu seramai 213 orang (55.5%). Manakala hanya seramai 82 orang (21.4%) responden sahaja pernah melihat dan 89 orang (23.2%) lagi tidak pasti sama ada pernah melihat ataupun tidak enakmen undang-undang keluarga Islam. Ini menunjukkan bahawa tahap aksesibiliti responden yang pernah melihat anakmen undang-undang keluarga Islam adalah pada tahap kurang memuaskan.

Jadual 2: Pernah melihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Ya	82	21.4
2.	Tidak	213	55.5
3.	Tidak pasti	89	23.2
	Jumlah	384	100

Jadual 3 menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pernah membaca peruntukan hak selepas bercerai dalam enakmen undang-undang keluarga Islam iaitu seramai 219 orang (57%). Manakala seramai 81 orang (21.1%) sahaja pernah membaca dan 83 orang (21.6) tidak pasti sama ada pernah ataupun tidak membaca. Hal demikian menjelaskan bahawa tahap aksesibiliti dari sudut pembacaan berkaitan enakmen undang-undang keluarga Islam dalam kalangan wanita masih rendah iaitu 21% sahaja pernah membaca mengenai perihal tersebut.

Jadual 3: Pembacaan berkaitan peruntukan hak selepas bercerai dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Ya	81	21.1
2.	Tidak	219	57.0
3.	Tidak pasti	83	21.6
	Data lenyap	1	.3
Jumlah		384	100

Jadual 4 pula merujuk kepada penyertaan seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak wanita oleh responden. Data menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pernah menyertainya iaitu seramai 314 orang (81.8%). Hanya sebahagian kecil sahaja pernah menyertai seminar, ceramah dan kursus iaitu seramai 47 orang (12.2%). Manakala seramai 22 orang (5.7%) tidak pasti akan perihal tersebut. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden tidak pernah menyertai seminar, ceramah atau kursus berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai.

Jadual 4: Pengalaman penyertaan seminar, ceramah atau kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Ya	47	12.2
2.	Tidak	314	81.8
3.	Tidak pasti	22	5.7
	Data lenyap	1	.3
Jumlah		384	100

Jadual 5 pula merujuk kepada kemahuan responden untuk menyertai sebarang seminar, ceramah atau kursus tentang hak-hak mereka selepas bercerai pada masa akan datang. Data menunjukkan bahawa majoriti responden akan menyertainya iaitu seramai 297 orang (77.3%). Manakala hanya segelintir responden sahaja tidak akan menyertainya iaitu seramai 34 orang (8.9%) sahaja. Seramai 52 orang (13.5%) responden lagi tidak pasti mengenai perihal tersebut. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden berminat untuk menyertai seminar, ceramah atau kursus berhubung hak-hak mereka selepas bercerai sekiranya diadakan pada masa akan datang.

Jadual 5: Kemahuan menyertai seminar, ceramah atau kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai pada akan datang

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Ya	297	77.3
2.	Tidak	34	8.9
3.	Tidak pasti	52	13.5
	Data lenyap	1	.3

Jumlah

384

100

Jadual 6 di bawah menunjukkan sumber yang menjadi rujukan responden untuk mendapatkan maklumat berkaitan undang-undang keluarga Islam. Data menunjukkan bahawa media cetak merupakan sumber utama iaitu seramai 134 orang (34.9%). Manakala sumber rujukan yang paling sedikit digunakan ialah melalui NGO iaitu seramai 12 orang (3.1%). Sumber kedua tertinggi ialah melalui Jabatan Agama Islam seramai 88 orang (22.9%) diikuti oleh guru agama seramai 54 orang (14.1%), media elektronik seramai 36 orang (9.4%), peguam syarie seramai 19 orang (4.9%), imam masjid seramai 18 orang (4.7%), serta sahabat dan keluarga seramai 16 orang (4.2%). Ini menunjukkan bahawa media cetak menjadi rujukan utama kepada para wanita berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai. Manakala dari segi jabatan pula, rujukan utama wanita berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai adalah Jabatan Agama Islam.

Jadual 6: Sumber rujukan maklumat tentang hak-hak mereka selepas bercerai.

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Media cetak	134	34.9
2.	Media elektronik	36	9.4
3.	Guru agama	54	14.1
4.	Imam Masjid	18	4.7
5.	Peguam Syarie	19	4.9
6.	Jabatan Agama Islam	88	22.9
7.	NGO	12	3.1
8.	Sahabat/keluarga	16	4.2
	Data lenyap	7	1.8
	Jumlah	384	100

Jadual 7 merujuk kepada penyediaan maklumat dalam televisyen dan radio berkaitan undang-undang keluarga Islam. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi, majoriti responden berpendapat bahawa televisyen dan radio tidak menyediakan program yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam iaitu seramai 221 orang (57.6%). Seramai 87 orang (22.7%) responden pula berpendapat bahawa televisyen dan radio telah menyediakan program yang mencukupi berkaitan undang-undang keluarga Islam. Manakala 75 orang (19.5%) lagi tidak pasti akan perihal tersebut. Dapatan tersebut menjelaskan bahawa program-program sedia ada yang disusun atur oleh pihak terbabit dengan televisyen dan radio berkaitan undang-undang keluarga Islam adalah tidak mencukupi dan perlu kepada penambahbaikan pada masa akan datang.

Jadual 7 : Penyediaan maklumat yang mencukupi dalam televisyen dan radio berkaitan undang-undang keluarga Islam

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Ya	87	22.7
2.	Tidak	221	57.6
3.	Tidak pasti	75	19.5

Data lenyap	1	.3
Jumlah	384	100

Dari segi penyediaan maklumat dalam media cetak berkaitan undang-undang keluarga Islam pula, jadual 8 menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 218 orang (56.8%) berpandangan bahawa media cetak juga tidak menyediakan maklumat yang cukup berkaitan perkara tersebut. Manakala 97 orang (25.3%) responden berpandangan bahawa media cetak telah menyediakan maklumat yang mencukupi. Sebanyak 67 orang (17.4) lagi tidak pasti akan perkara tersebut. Ini menunjukkan bahawa penyediaan maklumat dalam media cetak berkaitan undang-undang keluarga Islam masih belum mencukupi dan perlu dipertingkatkan memandangkan ianya adalah merupakan sumber rujukan utama para wanita khususnya berkaitan hak mereka.

Jadual 8: Penyediaan maklumat yang mencukupi dalam media cetak berkaitan undang-undang keluarga Islam

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Ya	97	25.3
2.	Tidak	218	56.8
3.	Tidak pasti	67	17.4
	Data lenyap	2	.5
	Jumlah	384	100

Jadual 9 pula menunjukkan perihal berkaitan keperluan wanita terhadap penerangan lanjut berhubung hak-hak mereka selepas bercerai. Majoriti responden memerlukan penerangan lanjut berkaitan hak-hak selepas bercerai iaitu seramai 338 orang (88%), Hanya sebahagian kecil daripada responden tidak memerlukan penerangan lanjut berhubung hak-hak selepas bercerai iaitu seramai 15 orang (3.9%). Manakala seramai 30 orang (7.8%) tidak pasti terhadap perkara tersebut.

Jadual 9: Keperluan terhadap penerangan lanjut berhubung hak-hak wanita selepas bercerai

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Ya	338	88.0
2.	Tidak	15	3.9
3.	Tidak pasti	30	7.8
	Data lenyap	1	.3
	Jumlah	384	100

Jadual 10 di bawah pula menunjukkan berkaitan cara-cara responden membuat tuntutan berkaitan hak mereka selepas bercerai. Berdasarkan maklumat tersebut, didapati majoriti responden membuat tuntutan melalui Peguam Jabatan Agama Islam iaitu seramai 273 orang (71.1%). Seterusnya, diikuti pula dengan membuat tuntutan melalui Jabatan Bantuan Guaman seramai 84 orang (21.9%) serta secara persendirian seramai 13 orang (3.4%). Manakala tuntutan melalui firman guaman swasta paling sedikit iaitu 12 (3.1%)

sahaja. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden merujuk kepada Jabatan Agama Islam untuk membuat tuntutan terhadap hak-hak mereka.

Jadual 10: Cara-cara responden membuat tuntutan hak selepas bercerai

Bil.	Jawapan	F	%
1.	Persendirian	13	3.4
2.	Jabatan Bantuan Guaman	84	21.9
3.	Firma Guaman Swasta	12	3.1
4.	Peguam Jabatan Agama Islam	273	71.1
	Data lenyap	2	.5
	Jumlah	384	100

ANALISIS

Analisis hasil dapatan kajian mendapati majoriti responden tidak pernah melihat ataupun membaca peruntukan hak selepas bercerai dibawah enakmen undang-undang keluarga Islam. Dari sudut pengalaman penyertaan seminar, ceramah atau kursus tentang hak-hak wanita selepas bercerai pula, majoriti responden tidak pernah menyertai sebarang seminar, ceramah atau kursus. Walaubagaimanapun, majoriti mereka berminat untuk menyertainya pada masa akan datang serta memerlukan penerangan lanjut berhubung hak-hak tersebut. Justeru itu, aksesibiliti menerusi medium pembacaan harus diperluaskan secara menyeluruh kepada setiap lapisan masyarakat mengenai adanya peruntukan di bawah undang-undang berhubung hak-hak wanita selepas bercerai. Adalah dicadangkan jabatan kerajaan mahupun badan bukan kerajaan memperbanyakkan program seperti seminar, ceramah serta kursus berkaitan hak-hak selepas bercerai di semua peringkat.

Dari segi sumber rujukan untuk tujuan aksesibiliti maklumat berkaitan hak-hak wanita selepas bercerai pula, majoriti responden menjadikan media cetak sebagai rujukan utama. Seterusnya diikuti oleh Jabatan agama Islam, guru agama, media elektronik, peguam syarie, imam masjid, sahabat dan keluarga serta NGO. Media cetak menjadi rujukan utama kerana ianya merupakan bahan yang mudah diperolehi serta dijadikan sebagai bahan bacaan utama masyarakat umum dalam pelbagai bidang dan ilmu pengetahuan. Manakala dari segi jabatan pula, rujukan utama wanita berkaitan hak-hak mereka selepas bercerai adalah Jabatan Agama Islam. Ianya adalah bersesuaian dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Agama Islam itu sendiri yang iaitu sebagai rujukan dalam kalangan masyarakat berhubung dengan perihal berkaitan perkahwinan dan perceraian umat Islam.

Seterusnya dari segi penyediaan maklumat aksesibiliti melalui media cetak dan media elektronik berkaitan undang-undang keluarga Islam, majoriti responden berpendapat ianya masih belum mencukupi dan perlu dipertingkatkan memandangkan ianya merupakan sumber rujukan utama para wanita khususnya berkaitan hak mereka.

Manakala dari segi kaeadah tuntutan hak selepas bercerai pula, majoriti berpendapat akan membuat tuntutan melalui Peguam Jabatan Agama Islam. Seterusnya diikuti dengan Jabatan Bantuan Guaman, persendirian serta firma guaman swasta. Hal tersebut selari dengan pandangan Tuan Haji Mohd Anwan (2013), yang menyatakan bahawa kebanyakan wanita yang datang ke Mahkamah telahpun menyedari akan hak-hak mereka selepas bercerai sama ada merujuk kepada Jabatan Agama, Jabatan Bantuan Guaman atau peguam syarie terlebih dahulu sebelum datang ke Mahkamah.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa aksesibiliti berhubung hak selepas bercerai dalam kalangan wanita di Kota Bharu secara keseluruhannya adalah didapati kurang memuaskan sama ada dari sudut pembacaan, penyertaan seminar, ceramah atau kursus berkaitan. Hasil kajian juga mendapati penyediaan bahan bagi tujuan aksesibiliti hak wanita selepas bercerai melalui media cetak atau media elektronik adalah masih belum mencukupi. Manakala sumber aksesibiliti utama yang menjadi rujukan wanita mengenai peruntukan hak selepas bercerai adalah melalui media cetak, Jabatan Agama Islam, guru agama serta media elektronik.

Holistiknya, dapatan kajian diharap dapat membantu organisasi dan pihak-pihak terlibat bagi mempertingkatkan sumber maklumat untuk tujuan aksesibiliti wanita selepas bercerai seterusnya dapat meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai peruntukan hak selepas bercerai.

RUJUKAN

Abdul Hamid Omar, "Penguatkuasaan Enakmen Keluarga Islam Turunkan Peratus Cerai di Kelantan", *Berita Harian*, 29 November 1986.

Ahmad Ibrahim (1999), *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Low Jurnal Sdn. Bhd.

Abdul Kadir Hj. Muhammad, "Keberkesanan Undang-undang Baru Keluarga Islam Dalam Mengurangkan Kadar Perceraian di Malaysia", *Jurnal Syariah* 1, bil. (1993).

Azlina Mohamad Nor. (2007). Pemahaman Wanita Terhadap Hak-Hak Mereka Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1948: Kajian di Jabatan Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan. Latihan ilmiah ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Che Zarrina Sa'ari dan Joni Tamkin Borhan, "Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam", *Jurnal Usuluddin* (2006)

Datin Noor Aziah Haji Mohd Awal, "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia". dicapai 27 Jan 2011, <http://www.ukm.my/hadhari/sites>.

Hajah Masnon bt. Hj. Ibrahim (2001), *Hak Wanita Dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Brunei*. Disertasi Doktor Falsafah Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kamus Inggeris-Melayu Dewan, ed. baru (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).

Khairawati Suraya Kamaruddin. (2001). *Pemahaman Wanita Tentang Hak-Haknya Dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Terengganu*. Latihan ilmiah ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Krejcie, R. V. & Morgan, D.W., *Determining Sample Size For Research Activities, Educational and Psychological Measurement* (1970).

Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari (1989), *Undang-undang Keluarga Islam: Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Malaysia: Percetakan FS Sdn. Bhd.

Norazlina binti Mohd Nasir, "Pembaharuan Dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia" (Kertas Projek Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002).

Noreliyusnita Mohd Osman. (1998). *Hak-Hak Wanita di Bawah Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam: Satu Kajian Dari Sudut Pemahaman Wanita Islam di Meru, Klang, Selangor Darul Ehsan*. Latihan ilmiah ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Norhayati Hashmi. (1994). *Hak Dan Perlindungan Wanita Dalam Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 1991: Kajian Mengenai Pemahaman Wanita Islam di Kuching, Sarawak*. Latihan ilmiah ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Noor Aziah Haji Mohd Awal, "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia", dicapai 27 Jan 2011, [http:// www.ukm.my/hadhari/sites](http://www.ukm.my/hadhari/sites).

Nurhidayah Muhd Hashim, "Cetek Pengetahuan Punca Wanita Tak Pertahan Hak". *Berita Harian Online*, 12 Oktober 2010.

Raihanah Haji Abdullah (1993), *Peruntukan Kewangan Bagi Wanita Islam Dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan*. Jurnal Syariah, Jil.8, bil.1. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam.

Rus-Sanani binti Hassan (2005), *Hak-Hak Wanita Dalam Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen Keluarga Islam di Malaysia: Rujukan Khusus di Negeri Kelantan*. Disertasi Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaysia.

Sakaran, U, *Research Methods For Business: A Skill - Building Approach* (New York: Wiley & Sons Inc. 1992).

Samihah binti Hj. Abdul Rahman (2000), *Hak-hak Wanita Selepas Perceraian Mengikut Hukum Syarak*. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sarikhani, N. (2009). *Level of Awareness of Muslim Working Woman Toward Their Right in Islam: A Case Study in Government Offices in Mysore*. *Jornal of Sci*, 18(3), h.163-171.

Tuan Haji Mohd Anwan Bin Abdul Muttalib (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu) dalam temubual dengan penulis, 16 Januari 2013.

Zainab Ghadar Band Shirazifard & Ali Edalati (2012). *Investigating The Employed Married Woman's Awareness Level of Marriage Rights: Case Study in Neiriz, Iran*. *Jornal of Asian Social Science*, Vol.8.

Wan Norazah Wan Chik, "Buta Hak Punca Wanita Dianiaya", *Utusan Malaysia*, 13 April 1995.